



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Sekolah Pendidikan Profesional dan
Pendidikan Berterusan
(UTMSPACE)

**FINAL EXAMINATION / PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER 2 – SESSION 2016 / 2017
PROGRAM KERJASAMA**

COURSE CODE : UDT 3052 / UHAD 3052
KOD KURSUS

COURSE NAME : SELF DEVELOPMENT /
NAMA KURSUS PERKEMBANGAN KENDIRI

YEAR / PROGRAMME : 3 / ALL PROGRAMMES /
TAHUN / PROGRAM SEMUA PROGRAM

DURATION : 2 HOURS / 2 JAM
TEMPOH

DATE : MAC / APRIL 2017
TARIKH

INSTRUCTION/ARAHAN :

1. Bahagian A : Jawab semua soalan di dalam borang OMR. **(40 Markah)**
2. Bahagian B : Jawab semua soalan di dalam buku jawapan. **(20 Markah)**

(You are required to write your name and your lecturer's name on your answer script)
(Pelajar dikehendaki tuliskan nama dan nama pensyarah pada skrip jawapan)

NAME / NAMA	:
I.C NO. / NO. K/PENGENALAN	:
YEAR / COURSE TAHUN / KURSUS	:
COLLEGE NAME NAMA KOLEJ	:
LECTURER'S NAME NAMA PENSYARAH	:

This examination paper consists of 9 pages including the cover
Kertas soalan ini mengandungi 9 muka surat termasuk kulit hadapan

**PUSAT PENGAJIAN DIPLOMA
SPACE
UTM *International Campus*
PETIKAN DARIPADA PERATURAN AKADEMIK**

ARAHAN AM

1. PENYELEWENGAN AKADEMIK (SALAH LAKU PEPERIKSAAN)

- 1.1 Pelajar tidak boleh melakukan mana-mana salah laku peperiksaan seperti berikut:-
- (a) Memberi atau menerima atau memiliki sebarang maklumat dalam bentuk elektronik, cefak atau apa-apa jua bentuk lain yang ada kaitan dengan sesuatu kursus semasa peperiksaan bagi kursus tersebut dijalankan sama ada di dalam atau di luar Dewan/Bilik Peperiksaan melainkan dengan kebenaran Ketua Pengawas.
 - (b) Menggunakan maklumat yang diperolehi seperti di perkara 1(a) di atas bagi tujuan menjawab soalan peperiksaan.
 - (c) Menipu atau cuba untuk menipu atau berkelakuan mengikut cara yang boleh ditafsirkan sebagai menipu atau cuba untuk menipu semasa peperiksaan sedang berjalan.
 - (d) Lain-lain salah laku yang ditetapkan oleh Universiti.

2. HUKUMAN

- 2.1 Sekiranya pelajar didapati telah melakukan pelanggaran mana-mana peraturan peperiksaan ini, setelah dibicara oleh Jawatankuasa Akademik Fakulti dan disabitkan kesalahannya, Senat boleh mengambil tindakan dari mana-mana satu, atau kombinasi yang sesuai dari dua atau lebih hukuman-hukuman berikut :-
- (a) Memberi markah SIFAR (0) bagi keseluruhan keputusan peperiksaan mata pelajaran yang berkenaan. (Termasuk kerja kursus).
 - (b) Memberi markah SIFAR (0) bagi semua mata pelajaran yang didaftarkan kepada semester tersebut.
 - (c) Pelajar yang didapati melakukan kesalahan kali kedua hendaklah diambil tindakan tatatertib mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar), 1999.

BAHAGIAN A: (40 Markah)

Jawab **Semua Soalan** di dalam borang **OMR** yang disediakan.

1. Psikologi sosial adalah sebahagian daripada bidang psikologi yang:
 - A. menumpukan perhatian kepada tingkah laku sosial manusia
 - B. mengkaji persekitaran masyarakat tertentu
 - C. menjalankan kajian berkaitan dengan sikap manusia
 - D. mengkaji mengenai politik semasa
2. Sejarah perkembangan dalam psikologi sosial melibatkan beberapa zaman **kecuali**:
 - A. zaman perkembangan
 - B. zaman permulaan
 - C. zaman kestabilan
 - D. zaman pengakhiran
3. Berikut adalah konsep utama dalam Teori Field ini sebagaimana yang dikemukakan oleh Deutsch **kecuali**:
 - A. penekanan terhadap keseluruhan situasi
 - B. pendekatan sosial
 - C. penyebab dari sudut sejarah melawan penyebab sistematik
 - D. pendekatan dinamik kelompok
4. Pembangunan modal insan membabitkan persoalan jiwa, minda dan semangat manusia. Ilmu ini merujuk kepada:
 - A. ilmu kontrak sosial
 - B. ilmu falak
 - C. ilmu psikologi sosial
 - D. ilmu biologi
5. '*Psikologi ialah satu kajian mengenali individu lain*' Pendapat ini merupakan idea:
 - A. Robert S. Feldman
 - B. Mary M. Gergeu
 - C. John W. Mc Braw
 - D. G. Allport
6. Model Tingkap Johari diperkenalkan oleh:
 - A. Harry Ingham dan G. Allport
 - B. Carl Rogers dan Harry Ingham
 - C. William James dan Joseph Luft
 - D. Joseph Luft dan Harry Ingham

7. Berikut ialah ciri-ciri *lokus kawalan dalaman* **kecuali**:

- A. nasib
- B. kemahiran
- C. kebolehan
- D. potensi semulajadi

8. Elemen dalam konsep kendiri terdiri daripada elemen material iaitu:

- A. merangkumi siapa diri kita, siapa kawan kita
- B. merangkumi persekitaran masyarakat di sekeliling
- C. merangkumi tubuh, pakaian, keluarga dan semua milik kebendaan.
- D. merangkumi ciri personaliti, persepsi sosial

9. Konsep kendiri dapat didefinisikan sebagai:

- A. penilaian seseorang ke atas dirinya
- B. gambaran pandangan tentang orang lain
- C. melihat peranan masyarakat setempat
- D. pengaruh diri sendiri terhadap orang lain

10. William James telah memperkenalkan kendiri sebagai:

- A. saya dan kamu
- B. saya dan dia
- C. saya atau aku
- D. saya, dia dan kamu

11. 'Tubuh, pakaian, keluarga, rumah dan segala milik kebendaan'. Ia dikategorikan dalam elemen:

- A. *sosial me*
- B. *spiritual me*
- C. *material me*
- D. *psychology me*

12. '*Spiritual me*' melibatkan elemen:

- A. personaliti
- B. persepsi sosial
- C. pengalaman diri
- D. semua di atas

13. Terdapat beberapa langkah untuk mencapai konsep kendiri yang positif **kecuali**:

- A. membina suatu kemahiran
- B. belajar menerima diri sepetimana diri sekarang
- C. menganggap orang lain tidak memberi faedah dalam kehidupan
- D. menyenaraikan kelebihan yang ada dalam diri

14. Tiga bentuk sifat individu yang diamati ialah:

- A. trait
- B. kecekapan
- C. nilai individu
- D. semua di atas

15. Berikut ialah jenis helah bela diri iaitu:

- A. penyerahan
- B. rasionalisasi
- C. pembohongan
- D. kerjasama

16. Tingkah laku bukan *verbal* ditakrifkan sebagai:

- A. tingkah laku yang tidak melibatkan penggunaan bahasa.
- B. tingkah laku secara menyeluruh
- C. tingkah laku melibatkan penggunaan bahasa
- D. tingkah laku melibatkan pergerakan

17. Kohlberg(1963) memperkembangkan teori persepsi ini dan membahagikan kepada beberapa bahagian. Peringkat 1 (hukuman dan kepatuhan) dan peringkat 2 (alat relativisme) adalah pada tahap:

- A. tahap pasca-konvensional
- B. tahap pra-konvensional
- C. tahap konvesional
- D. tahap semi-konvensional

18. "Tingkah laku individu yang kekal menunjukkan kestabilan dalam situasi atau masa yang berbeza dan dipengaruhi sebab luaran."

Pernyataan ini merujuk kepada:

- A. trait
- B. kecekapan
- C. nilai
- D. diamati

19. "Perkara yang tidak diketahui" menjelaskan:

- A. maklumat tentang diri saya yang tidak diketahui oleh saya dan orang lain.
- B. maklumat yang diketahui oleh saya tetapi tidak oleh orang lain.
- C. maklumat yang orang lain tahu tetapi tidak oleh diri saya.
- D. maklumat yang diri saya tahu dan orang lain juga tahu.

20. "Teman serumah sengaja membersihkan bilik yang berselerak untuk secara langsung membangkitkan rasa bersalah kepada rakan-rakan kerana tidak mengemas rumah." Persembahan kendiri ini merujuk kepada:
- A. suplikasi
 - B. eksemplifikasi
 - C. intimidasi
 - D. topeng
21. Individu yang mempunyai harga diri tinggi mempunyai ciri-ciri berikut:
- A. yakin diri
 - B. sabar menghadapi kekecewaan
 - C. hubungan interpersonal yang baik
 - D. semua di atas
22. Helaian bela diri yang sihat dengan menyalurkan perasaan dalam bentuk sajak, menggubah lagu, melukis dan sebagainya yang boleh diterima oleh masyarakat. Ia merujuk kepada:
- A. projeksi
 - B. sublimasi
 - C. kompensasi
 - D. identifikasi
23. Berikut adalah langkah untuk mencapai konsep kendiri yang positif **kecuali**:
- A. membina suatu kemahiran
 - B. menerima diri seperti mana sekarang
 - C. serahkan segalanya pada takdir
 - D. membaca biografi orang berjaya
24. Topeng adalah persembahan kendiri:
- A. membangkitkan rasa terancam
 - B. memperlihatkan seseorang yang berbakat
 - C. melindungi individu yang sebenar
 - D. menunjukkan kelemahan diri sendiri
25. "Individu ini sering dikaikan dengan kegagalan sama ada dalam apa bidang sekalipun." Individu ini mempunyai konsep kendiri:
- A. positif
 - B. negatif
 - C. neutral
 - D. putus asa

26. Pilih pernyataan yang **salah** berkaitan dengan pertumbuhan biologi remaja:

- A. Baligh bermula dengan penghasilan hormon ganadotropik oleh kelenjar pituitari.
- B. Testeron menghasilkan sperma kepada lelaki.
- C. Progestron menyebabkan berlakunya haid kepada wanita.
- D. Perubahan yang berlaku pada lelaki disebabkan oleh hormon estrogen.

27. Pilih pernyataan yang **salah** berkaitan dengan isu seksual dan reproduksi:

- A. *Impotence*
- B. HIV / AIDS
- C. Haid
- D. Kesuburan

28. Jam sosial orang dewasa merujuk kepada:

- A. Kemampuan individu melihat di luar diri individu tersebut.
- B. Anggaran susunan peristiwa yang berlaku dalam hidup seseorang dewasa.
- C. pelan atas pembentukan manusia.
- D. Pembentukan personaliti individu dari zaman kanak-kanak sehingga dewasa.

29. Peristiwa-peristiwa yang melibatkan jam sosial adalah seperti berikut **kecuali**:

- A. Mencari pasangan hidup
- B. Bercinta dan berkahwin
- C. Menjalani ujian ketenteraan
- D. Masa anak-anak meninggalkan rumah

30. Berikut merupakan isu-isu permasalahan berkaitan dengan remaja **kecuali**:

- A. Menitikberatkan hubungan dengan rakan sebaya.
- B. Keinginan untuk mendapatkan kebebasan hidup.
- C. Menolak kuasa autoriti ibu bapa demi menjaga hubungan dengan rakan sebaya.
- D. Konflik intimasi dan pemencilan diri.

31. Perkembangan moral bagi pertengahan dewasa ialah:

- A. Mula memberikan tumpuan ibadat dan ilmu agama dan lebih berfikiran positif terhadap kehidupan.
- B. Mementingkan pengalaman dan emosi.
- C. Berlakunya konflik dalam rumah tangga.
- D. Mencuba sedaya upaya setelah menerima kegagalan.

32. Berikut adalah benar mengenai krisis pertengahan umur **kecuali**:

- A. Tidak mampu untuk mengekal hubungan intimasi.
- B. Sedar yang selama kehidupan ini mereka belum lagi mencapai sesuatu yang berharga
- C. Berlaku pada usia 35 hingga 45 tahun.
- D. Melakukan kerja-kerja sukarela untuk mengisi kekosongan.

33. Apakah cabaran utama yang akan dihadapi oleh remaja?
- A. Memikirkan pandangan orang lain tentang dirinya dan sering bertukar pendirian.
 - B. Mencari dan menentukan identiti diri serta peranan yang harus dimainkan.
 - C. Mengalami pelbagai jenis kerumitan dan masalah hidup.
 - D. Ingin mencari kebebasan dalam hidup.
34. Perkara-perkara yang dialami pada peringkat moral apabila memasuki peringkat tua ialah:
- A. Menghabiskan masa berbual dengan kawan-kawan.
 - B. Sering menyumbangkan tenaga.
 - C. Berfikir dahulu sebelum bertindak.
 - D. Melakukan haji dan umrah.
35. Egosentrisme remaja merujuk kepada pernyataan berikut **kecuali**:
- A. Remaja sering mengubahsuai persepzi tentang kebenaran alam.
 - B. Sifat egosentrisme remaja sama dengan apa yang ada pada kanak-kanak di tahap pra-operasi.
 - C. Remaja sering merasakan perhatian umum sentiasa tertumpu kepada mereka.
 - D. Remaja selalu memikirkan masalah mereka adalah unik dan tidak pernah dialami oleh orang lain.
36. "Ia merujuk kepada satu kecenderungan yang membenarkan komunikasi orang lain untuk mempengaruhi tingkah laku kita." Kesan ini merujuk kepada:
- | | |
|--------------------|--------------------------|
| A. kesan psikologi | C. kesan jangka panjang |
| B. kesan pigmalion | D. kesan kata perangsang |
37. Proses asas yang melibatkan perubahan sikap adalah seperti berikut **kecuali**:
- | | |
|-----------------|---------------|
| A. pembatinan | C. kepatuhan |
| B. identifikasi | D. pengalaman |
38. Harga diri ialah keadaan di mana:
- A. penilaian secara menyeluruh sama ada positif atau negatif.
 - B. penampilan kendiri seseorang.
 - C. disiplin dengan diri seseorang individu.
 - D. keupayaan individu dalam kehidupan sehariannya.
39. Antara berikut yang manakah **bukan** faktor utama yang mempengaruhi kepercayaan seseorang?
- | | |
|---------------------------|--------------------------|
| A. masa dan pengalaman | C. norma subjektif |
| B. sikap terhadap sesuatu | D. mengawal tingkah laku |

- | |
|--|
| <input type="checkbox"/> Komunikasi di antara ibu bapa sangat membantu dalam pnyesuaian perhubungan. |
| <input type="checkbox"/> Kanak-kanak matang secara seksual. |
| <input type="checkbox"/> Mahukan kebebasan. |

40. Pernyataan di atas merupakan proses perkembangan sepanjang hayat menerusi:

- A. Peringkat penghujung remaja
- B. Peringkat awal remaja
- C. Peringkat awal dewasa
- D. Peringkat pertengahan dewasa

BAHAGIAN B: (20 Markah)

Jawab **Semua Soalan** di dalam buku jawapan yang disediakan.

1. Huraikan istilah dan konsep berikut

- a. Atribusi
 - b. Ketaatan
 - c. Ugutan dan janji
- (3 markah)

2. Huraikan secara ringkas **tiga (3)** faktor yang mempengaruhi keakuran. (5 markah)

3. Pujukan yang meyakinkan merupakan salah satu bahagian cubaan pengaruh sosial berbentuk terbuka. Ia melibatkan interaksi sosial yang cukup meluas dan wujud pelbagai bentuk tanggapan dan reaksi oleh sasaran. Senaraikan reaksi-reaksi tersebut.

(5 markah)

4. Terangkan secara ringkas bagaimana keluarga mempengaruhi perkembangan sosial.

(4 markah)

5. Berikan **tiga (3)** elemen komunikasi bentuk pujukan. (3 markah)

